

PENGARANG, MEJA BERITA

UNTUK SIARAN SEGERA

### **KENYATAAN MEDIA**

Putrajaya, 29 Mei 2021 - Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) ingin merujuk kepada artikel berita *What's EAIC doing about 3 custodial deaths, asks DAP MP* yang dilaporkan oleh *Free Malaysia Today* (FMT) bertarikh 28 Mei 2021.

EAIC memandang serius terhadap kes kematian dalam tahanan yang dilaporkan berlaku termasuklah ketiga-tiga kes yang dinyatakan dalam artikel tersebut.

Selaras dengan ucapan YBhg. Tan Sri Mohd Sidek Haji Hassan, Penggerusi EAIC semasa Majlis Sedekad EAIC pada 1 April 2021, EAIC telah menubuhkan satu Jawatankuasa Kajian Kematian dalam Tahanan pada 1 Mei 2021 yang dipengerusikan oleh YBhg. Tan Sri Datuk Zainun Ali, Timbalan Penggerusi EAIC.

Jawatankuasa ini telah menentukan dan menetapkan *Terms of Reference* (TOR) bagi tindakan melaksanakan kajian ini yang akan melibatkan, antara lain adalah pengumpulan data dan statistik kes kematian dalam tahanan agensi penguatkuasaan di bawah seliaan EAIC termasuklah mengenal pasti punca kematian dalam tahanan, kajian perbandingan undang-undang dan peraturan lokap negara-negara lain dan kajian lapangan terhadap lokap terpilih di seluruh negara dengan penumpuan

akan diberikan kepada lokap yang pernah berlakunya kes kematian dalam tahanan. Hasil kajian ini akan diangkat kepada pihak Kerajaan bagi pengesyoran penambahbaikan prosedur pengendalian tahanan dalam lokap agensi penguatkuasaan di bawah seliaan EAIC agar dapat menangani isu-isu yang berkaitan dengan sewajarnya.

EAIC ingin menegaskan setiap siasatan berhubung kematian dalam tahanan oleh pihak EAIC adalah bebas dan telus berdasarkan kuasa penyiasatan yang diperuntukkan di bawah Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [*Akta 700*].

**Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC)**

**29 Mei 2021**